



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"KANAK-KANAK: KHAZANAH MASA DEPAN NEGARA"

22 November 2024 / 20 Jamadilawwal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dilimpahi rahmat ihsan Ilahi menjadi penghuni syurga. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk :

"KANAK-KANAK: KHAZANAH MASA DEPAN NEGARA"

Firman Allah SWT, ayat 74 surah Al-Furqan:

﴿وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هُبَّ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرْسَتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا﴾

Bermaksud: Dan mereka berdoa dengan berkata, "Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah daripada isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk mata hati (kami), danjadikanlah kami pemimpin bagi orang yang bertakwa".

Kanak-kanak adalah anugerah Allah SWT. Dilahirkan dalam keadaan fitrah, suci tanpa dosa, ibarat sehelai kain putih yang bersih. Kanak-kanak seharusnya dilihat dengan pandangan kasih sayang, selayaknya diasuh menjadi insan berguna, dididik dengan agama, diajarkan ilmu dan kemahiran, dipupuk semangat juang dan disemai nilai murni agar menjadi hamba yang *muttaqin* – insan yang bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Peribahasa Melayu menyebut “melentur buluh biarlah dari rebungnya” menggambarkan peranan dan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga yang diamanahkan untuk membentuk kelakuan anak-anak ketika usia masih kecil. Mereka adalah permata negara, sumber berharga dan khazanah bernilai yang diharapkan untuk menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan.

Jemaah yang dimuliakan,

Ilmuwan Islam mentakrifkan kanak-kanak sebagai individu yang belum berkemampuan menguruskan diri sendiri dan memerlukan pergantungan daripada penaganya. Mereka dianggap bukan kanak-kanak apabila mencapai umur baligh (antara usia lima belas hingga lapan belas tahun); usia apabila mereka mampu berdikari. Berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ditakrifkan sebagai seseorang di bawah umur 18 tahun.

Doa yang terkandung dalam ayat 74 surah al-Furqan yang khatib bacakan pada awal khutbah, disifatkan oleh ilmuwan tafsir sebagai doa yang dipohon kepada Allah SWT untuk direzekikan anak, isteri dan keturunan yang teguh dalam iman, beramal soleh, diberi ilmu pengetahuan serta dilengkapi akhlak murni agar mereka berupaya menyebarkan kebaikan kepada manusia.

Islam amat menitik beratkan kepentingan hak kanak-kanak dan melarang dilakukan apa jua bentuk pengabaian, ke ganasan dan kezaliman terhadap mereka. Rasulullah SAW mengajar umat Baginda untuk mencurahkan kasih sayang terhadap kanak-kanak berpandukan hadis;

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرُفْ حَقَّ كَبِيرَنَا

Bermaksud: Bukan daripada (kalangan) kami orang yang tidak menunjukkan belas kasihan terhadap (anak-anak) kecil kami dan tidak tahu (menunaikan) hak orang-orang tua kami. (Hadis Riwayat Ahmad)

Hak kanak-kanak yang perlu disempurnakan merangkumi keperluan asasi seperti pakaian, makan minum, tempat tinggal, perlindungan dan keselamatan; juga menjaga aib dan rahsia mereka; serta memberi perhatian dan beliaian kasih sayang kepada mereka.



Kisah yang berlaku pada zaman Saidina Umar al-Khattab RA wajar dijadikan iktibar. Ketika datang seorang bapa mengadu kepada Saidina Umar tentang penderhakaan anaknya. Lantas Saidina Umar memanggil anak tersebut dan anak itu bertanyakan tentang tanggungjawab seorang bapa terhadap anaknya. Saidina Umar menjelaskan "si ayah perlu mencari isteri yang baik untuk menjadi ibu kepada anaknya, memberikan nama yang baik kepada anak dan hendaklah diajar membaca al-Quran". Lantas si anak menjawab bahawa semua itu tidak dilaksanakan oleh ayahnya, lalu Saidina Umar dengan tegas menyatakan kepada si bapa bahawa "engkau telah derhaka kepadanya sebelum dia derhaka kepadamu dan engkau telah memperlakukan buruk kepadanya sebelum dia memperlakukan buruk terhadapmu".

Jemaah yang dilimpahi bimbingan Ilahi,

Perkembangan kanak-kanak bergantung kepada apa yang mereka alami dalam persekitaran hidup mereka. Kanak-kanak mampu mencipta kejayaan sekalipun pada usia yang muda jika diberikan didikan yang baik, asuhan kasih sayang dan pendedahan yang bermanfaat. Sebagai contoh, baru-baru ini dilaporkan adik Izz Imil Shahrom yang baru berusia 12 tahun telah diterima mendaftar sebagai mahasiswa di institusi pengajian tinggi, di Universiti Malaya. Begitu juga kejayaan adik Maryam Muzamir yang berusia 12 tahun, telah memperolehi anugerah dalam pertandingan reka cipta dan teknologi di peringkat antarabangsa.

Kanak-kanak tidak terlepas daripada menghadapi ujian dan cabaran semasa. Kewujudan Internet, media sosial dan aplikasi mudah alih menyebabkan kanak-kanak lebih terdedah kepada pelbagai maklumat dan memperoleh maklumat tanpa tapisan. Kerana itu menjadi tanggungjawab ibu bapa, memantau, memberi bimbingan dan menyusun langkah penjagaan untuk melindungi anak-anak daripada dipengaruhi oleh bahan maklumat yang tidak sesuai dengan peringkat umur mereka.

Jemaah Rahimakumullah,

Dalam hasrat dan usaha mencanai kanak-kanak menjadi permata berharga, mimbar menyampaikan nasihat-nasihat berikut: **Pertama: Terapkan akidah yang kukuh seawal usia kanak-kanak** dengan menerapkan keyakinan bahawa Allah SWT, Tuhan yang Maha Esa selayaknya disembah; ditaati dan dipatuhi segala aturan al-Quran dan al-Sunnah agar anak-anak menjalani kehidupan yang direndai Ilahi, di samping menjauhi kehidupan yang merosakkan.



Kedua: Memberi pendidikan menyeluruh merangkumi ilmu agama, akademik, kemahiran hidup dan nilai-nilai murni. Disemai sifat-sifat kejujuran, kesopanan, beramanah - berdisiplin, menghormati guru dan orang tua, menepati masa dan memenuhi janji, berjimat cermat dan tidak membazir. Menerapkan mereka budaya membaca serta mendorong mereka agar melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum sekolah bagi mengukuhkan keupayaan sosial.

Ketiga: Sokongan emosi dan psikologi – Mendampingi kanak-kanak dengan beliaian kasih sayang, amat mempengaruhi kesihatan mental dan perkembangan emosi. Kanak-kanak yang mendapat kasih sayang secukupnya akan merasa diri dihargai dan memiliki sifat lebih berkeyakinan.

Keempat: Mengenal pasti dan membantu membangunkan bakat – Perlu mengenal pasti kecenderungan, kebolehan dan bakat anak-anak seterusnya diasuh dan dikembangkan bakat yang mereka miliki. Memberikan ruang kepada mereka untuk menerokai bidang yang diminati sehingga dapat melakar kejayaan.

Kelima: Menjaga kesihatan anak-anak – menggalakkan kegiatan sihat seperti beriadah, mengambil makanan berkhasiat dan berkualiti, tidak mengambil makanan secara berlebihan, dan mengawal pengambilan gula, mengelakkan minuman bersoda, serta makanan yang diproses dan makanan segera; mendidik anak-anak tidur awal dan bangun subuh dengan memulakan hidup bersolat subuh berjemaah dengan ibu bapa. **Keenam:** Menyemai tanggungjawab kemasyarakatan dan rasa cinta kepada negara – anak-anak disemaikan rasa cinta dan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara, dilatih membuang sampah di tempat yang ditentukan, menjaga kebersihan rumah, sekolah dan halaman, tidak merosakkan alam sekitar, memiliki ihsan kepada haiwan. Libatkan mereka dengan kegiatan kemasyarakatan seperti meraikan sambutan hari kemerdekaan dan menyertai program-program sukarelawan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقَتْهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ⁷.
اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنِ.

Ya Allah! Ya Wahhab!, kurniai kami zuriat keturunan yang baik, yang soleh dan solehah, penyejuk mata bagi kami dan dilindungi dari gangguan dan tipu daya syaitan. Bantu kami menyempurnakan amanah mendidik anak-anak dengan sebaik-baik didikan agar mereka menjadi manusia berguna kepada agama, bangsa dan negara.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
 الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ
 وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
 مَا تَصْنَعُونَ.